

Oleh Presiden Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama

# Janganlah Takut Melakukan yang Baik

*Tuhan memberitahu kita bahawa apabila kita berdiri dengan iman di atas batu-Nya, keraguan dan ketakutan akan berkurangan; keinginan untuk membuat baik akan meningkat.*

**P**ara saudara dan saudari, saya berdoa Roh Tuhan akan bersama kita semasa saya berucap hari ini. Hati saya penuh dengan kesyukuran kepada Tuhan, yang memiliki Gereja ini, untuk inspirasi yang kita telah rasa dalam doa-doa, khutbah berinspirasi, dan nyanyian seperti malaikat dalam persidangan ini.

April yang lalu, Presiden Thomas S. Monson memberi satu pesanan yang mempengaruhi hati seluruh dunia, termasuk hati saya. Dia berucap mengenai kuasa Kitab Mormon. Dia menggesa kita untuk mengkaji, merenung, dan menerapkan ajarannya. Dia berjanji bahawa jika kita mendedikasikan masa setiap hari untuk mengkaji dan merenung dan mentaati perintah-perintah yang terdapat dalam Kitab Mormon, kita akan mempunyai kesaksian akan kebenarannya, dan hasil kesaksian dalam Kristus yang hidup akan menjaga kita dalam masa kesusahan. (Lihat “Kuasa Kitab Mormon,” *Liahona*, Mei 2017, 86–87.)

Seperti banyak daripada anda, saya mendengar kata-kata nabi seperti suara Tuhan kepada saya. Dan, juga seperti banyak dari anda, saya memutuskan untuk patuh pada kata-kata itu. Sekarang, sejak saya seorang anak lelaki muda, saya telah merasakan kesaksian bahawa Kitab Mormon adalah kata-kata Tuhan, bahawa Bapa dan Putera muncul dan bercakap dengan Joseph Smith, dan Para Rasul purba datang kepada Nabi Joseph untuk memulihkan kunci-kunci imamat kepada Gereja Tuhan.

Dengan kesaksian itu, saya telah membaca Kitab Mormon setiap hari selama lebih daripada 50 tahun. Saya mungkin boleh fikir bahawa kata-kata Presiden Monson adalah untuk orang lain. Namun, seperti banyak dari anda, saya merasakan galakan nabi dan janjinya menjemput saya untuk berusaha lebih bersungguh-sungguh. Kebanyakan anda telah melakukan apa yang saya buat: berdoa bersungguh-sungguh, merenung

tulisan suci dengan lebih perhatian, dan cuba lebih untuk melayan Tuhan dan orang lain untuk-Nya.

Hasil gembira untuk saya, dan untuk kebanyakan anda, adalah apa yang dijanjikan oleh nabi. Mereka yang mengambil nasihat diilhamkannya ke dalam hati telah mendengar Roh dengan lebih jelas. Kita telah mencari kuasa yang lebih untuk menentang godaan dan telah merasakan iman yang lebih dalam Yesus Kristus yang dibangkitkan, dalam injil-Nya, dan dalam Gereja hidup-Nya.

Dalam masa kekecohan yang meningkat di dunia, mereka yang meningkatkan kesaksian telah menyingkirkan keraguan dan ketakutan dan telah membawa kita perasaan damai. Mendengar nasihat Presiden Monson mempunyai dua kesan hebat lain pada saya: Pertama, Roh yang dijanjikannya telah menghasilkan rasa optimis tentang apa yang akan berlaku, walaupun kekecohan di dunia nampaknya meningkat. Dan, kedua, Tuhan telah beri kepada saya—dan anda—perasaan yang lebih besar tentang kasih-Nya untuk mereka dalam kesusahan. Kita telah merasakan peningkatan dalam keinginan untuk menyelamatkan orang lain. Keinginan itu berada di pusat pelayanan dan pengajaran Presiden Monson.

Tuhan menjanjikan kasih untuk orang lain dan keberanian kepada Nabi Joseph Smith dan Oliver Cowdery apabila tugas di hadapan mereka mungkin kelihatan terlalu besar. Tuhan berkata bahawa keberanian yang diperlukan akan datang dari iman mereka dalam-Nya sebagai batu mereka:

“Janganlah takut melakukan yang baik, putera-putera-Ku, kerana apa pun yang kamu tabur, itu juga yang akan kamu tuai; oleh kerana itu, jika kamu menabur yang baik kamu akan juga menuai yang baik bagi pahalamu.

“Oleh kerana itu, janganlah takut, kawan-kawan kecil; lakukanlah yang baik; biarlah bumi dan neraka bergabung melawanmu, kerana jika kamu dibangunkan di atas batu karang-Ku, mereka tidak dapat berjaya.

“Lihatlah, Aku tidak menghukummu; pergilah pada jalanmu dan janganlah berdosa lagi; laksanakanlah dengan kesungguhan pekerjaan yang telah Tuhan perintahkan kepadamu.

“Pandanglah kepada-Ku dalam setiap pemikiran; janganlah ragu, janganlah takut.

“Lihatlah luka-luka yang menusuk sisi tubuh-Ku, dan juga tanda paku di tangan dan kaki-Ku; setialah, taatilah perintah-perintah-Ku, dan kamu akan mewarisi kerajaan syurga” (A&P 6:33–37).

Tuhan memberitahu para pemimpin Pemulihan-Nya, dan Dia memberitahu kita, bahawa apabila kita berdiri dengan iman di atas batu-Nya, keraguan dan ketakutan akan berkurangan; keinginan untuk membuat baik akan meningkat. Apabila kita menerima jempunan Presiden Monson untuk menanam kesaksian tentang Yesus Kristus dalam hati kita, kita memperoleh kuasa, keinginan, dan keberanian untuk pergi dan menyelaamatkan orang lain tanpa kebimbangan untuk keperluan diri kita sendiri.

Saya pernah melihat iman dan keberanian itu banyak kali apabila Orang Suci Zaman Akhir yang mempercayai menghadapi cabaran yang menakutkan. Satu contoh, saya berada di Idaho semasa Empangan Teton pecah pada 5 Jun, 1976. Air mula mengalir dengan banyak. Beribu-ribu orang melarikan diri dari rumah mereka. Beribu-ribu rumah dan perniagaan dimusnahkan. Secara ajaib, kurang daripada 15 orang terbunuh.

Apa yang saya lihat di sana, saya telah lihat bila-bila masa Orang Suci Zaman Akhir berdiri dengan teguh di atas batu kesaksian Yesus Kristus. Kerana mereka tidak ragu bahawa Tuhan menjaga mereka, mereka menjadi tidak takut. Mereka mengabaikan cabaran mereka sendiri untuk pergi menolong orang lain. Dan mereka melakukannya kerana kasih untuk Tuhan, tanpa meminta ganjaran.

Sebagai contoh, semasa Empangan Teton pecah, satu pasangan Orang Suci Zaman Akhir sedang dalam perjalanan. Apabila mereka mendengar berita di radio, mereka kembali ke Rexburg dengan segera. Mereka pergi mencari uskup mereka dan bukannya pulang ke rumah untuk melihat jika ia telah dimusnahkan. Uskup berada di bangunan yang digunakan sebagai pusat pemulihan. Dia sedang membantu mengarahkan beribu-ribu sukarelawan yang sampai dalam bas sekolah berwarna kuning.

Pasangan itu berjalan ke uskup dan berkata, “Kami baru pulang. Uskup, di manakah kami boleh pergi untuk membantu?” Uskup memberi mereka nama-nama satu keluarga. Pasangan itu membantu mengeluarkan lumpur dan air dari satu rumah demi satu rumah. Mereka bekerja dari subuh sehingga gelap selama beberapa hari. Mereka kemudian berehat untuk melihat rumah mereka. Ia telah diambil pergi oleh banjir, tidak meninggalkan apapun untuk dibersihkan. Jadi mereka kembali ke uskup dengan cepat. Mereka bertanya, “Uskup, adakah kamu mempunyai seseorang yang kami boleh bantu?”

Mukjizat keberanian yang damai dan kasih ihsan itu—kasih suci Kristus—telah diulangi selama bertahun-tahun dan di seluruh dunia. Ia berlaku pada hari-hari penganiayaan dan cabaran pada masa Nabi Joseph Smith berada di Missouri. Ia berlaku semasa Brigham Young memimpin keluaran dari Nauvoo dan kemudian memanggil Orang Suci ke tempat tidak berpenghuni di seluruh barat

Amerika Syarikat, untuk membantu satu sama lain mewujudkan Sion untuk Tuhan.

Jika anda baca catatan jurnal para perintis itu, anda akan melihat mukjizat iman menggantikan keraguan dan ketakutan. Dan anda baca tentang Orang Suci yang meninggalkan kebimbangan diri sendiri untuk membantu orang lain untuk Tuhan, sebelum pulang untuk menjaga perkara diri sendiri.

Saya melihat mukjizat yang sama beberapa hari yang lalu selepas Taufan Irma di Puerto Rico, Saint Thomas, dan Florida, di mana Orang Suci Zaman Akhir bekerjasama dengan gereja-gereja lain, kumpulan masyarakat tempatan, dan organisasi nasional untuk mula usaha pembersihan.

Seperti kawan-kawan saya di Rexburg, satu pasangan bukan ahli Gereja di Florida bertumpu kepada membantu masyarakat dan bukannya bekerja dalam tanah sendiri. Apabila beberapa jiran Orang Suci Zaman Akhir menawarkan bantuan untuk dua pokok besar yang menyekat jalan masuk mereka, pasangan itu menjelaskan bahawa mereka berasa diatasi dan telah berpaling kepada membantu orang lain, dengan iman bahawa Tuhan akan memberikan bantuan yang mereka perlukan di rumah mereka sendiri. Suami itu kemudian berkata bahawa sebelum anggota Gereja kami tiba dengan tawaran bantuan, pasangan itu telah berdoa. Mereka telah menerima jawapan bahawa bantuan akan datang. Bantuan datang dalam masa beberapa jam selepas jaminan itu.

Saya mendengar satu laporan bahawa sesetengah orang mula memanggil Orang Suci Zaman Akhir yang memakai baju kuning Helping Hands, “Para Malaikat Kuning.” Satu Orang Suci Zaman Akhir mengambil keretanya untuk servis dan lelaki yang membantunya menjelaskan satu “pengalaman rohani” apabila orang berpakaian baju kuning memin-dahkan pokok-pokok dari halaman rumah dan kemudian, dia berkata,

mereka “menyanyi lagu tentang anak Tuhan kepada saya.”

Satu lagi penduduk Florida—juga bukan dari iman kita—berkata bahasa Orang Suci Zaman Akhir datang ke rumahnya semasa dia bekerja di halaman rumah yang dimusnahkan dan berasa diatasi, terlalu panas, dan hampir menangis. Para sukarelawan mewujudkan, dalam katanya, “satu mukjizat tulen.” Mereka melayan bukan sahaja dengan ketekunan tetapi juga dengan ketawa dan senyuman, tidak menerima apapun sebagai balasannya.

Lewat satu hari Sabtu, saya melihat ketekunan dan mendengar ketawa itu semasa saya melawat dengan satu kumpulan Orang Suci Zaman Akhir di Florida. Para sukarelawan berhenti kerja pembersihan hanya seketika untuk berjabat tangan dengan saya. Mereka berkata 90 ahli dari pancang mereka di Georgia telah membuat rancangan untuk menyertai kerja penyelamatan di Florida malam sebelum itu.

Mereka meninggalkan Georgia pada jam 4:00 pagi, memandu selama berjam-jam, bekerja sepanjang hari dan malam, dan merancang untuk bekerja lagi pada hari esok.

Mereka menjelaskannya kepada saya dengan senyuman dan sikap baik. Saya rasa satu-satunya tekanan mereka adalah mereka mahu orang berhenti mengucapkan terima kasih supaya mereka boleh kembali ke kerja. Presiden pancang memulakan semula gergaji rantai dan sedang bekerja dengan pokok yang sudah jatuh dan satu uskup sedang memindah dahan pokok semasa kita naik kenderaan kita untuk pergi ke pasukan penyelamat yang seterusnya.

Awal hari itu, semasa kami meninggalkan tempat yang lain, satu lelaki telah berjalan ke kereta, menanggalkan topinya, dan mengucapkan terima kasih kepada kami untuk para sukarelawan. Dia berkata, “Saya bukan ahli Gereja kamu. Saya tidak percaya apa yang kamu telah buat untuk kita. Tuhan memberkati

kamu.” Sukarelawan LDS yang berpakaian baju kuning dan berdiri di sebelah dia senyum dan mengangkat bahunya, seolah-olah dia tidak patut menerima pujian.

Ketika para sukarelawan dari Georgia datang untuk membantu lelaki ini, beratus-ratus Orang Suci Zaman Akhir dari bahagian Florida yang telah dimusnahkan itu telah bepergian beratus-ratus batu ke selatan ke tempat lain di Florida untuk membantu orang lain yang mengalami kemusnahan yang lebih besar.

Pada hari itu saya ingat dan memahami dengan lebih baik kata-kata nubuat Nabi Joseph Smith: “Manusia yang dipenuhi dengan kasih Tuhan, tidak berpuas hati dengan memberkati keluarganya sahaja, tetapi mencari di seluruh dunia, bersemangat untuk memberkati seluruh umat manusia” (*Teachings of Presidents of the Church: Joseph Smith* [2007], 426).

Kita melihat kasih seperti ini dalam kehidupan Orang Suci Zaman Akhir di mana-mana. Setiap kali terdapat kejadian tragis di mana saja di dunia, Orang Suci Zaman Akhir akan menderma dan bersuka rela untuk usaha kemanusiaan Gereja. Rayuan jarang diperlukan. Kadangkala, kita perlu meminta mereka yang akan bersukarela tunggu untuk pergi ke lokasi pemulihan sehingga mereka yang mengarahkan kerja itu bersedia menerima mereka.

Keinginan itu untuk memberkati adalah hasil orang mendapat kesaksian dalam Yesus Kristus, injil-Nya, Gereja yang dipulihkan-Nya, dan nabi-Nya. Itulah sebabnya orang Tuhan tidak ragu dan tidak takut. Itulah sebabnya para penginjil bersuka rela untuk melayan di seluruh dunia. Itulah sebabnya ibu bapa berdoa dengan anak-anak mereka untuk orang lain. Itulah sebabnya para pemimpin mencabar remaja mereka untuk mengambil permintaan Presiden Monson untuk membenamkan diri mereka dalam Kitab Mormon. Hasilnya tidak datang dengan desakan para pemimpin

tetapi dengan tindakan iman remaja dan para ahli. Iman, dalam tindakan, yang memerlukan pengorbanan tidak mementingkan diri sendiri, membawa perubahan hati yang membenarkan mereka merasakan kasih Tuhan.

Walau bagaimanapun, hati kita kekal berubah hanya jika kita terus mengikut nasihat nabi. Jika kita berhenti selepas satu usaha yang besar, perubahan itu akan pudar.

Orang Suci Zaman Akhir yang beriman telah meningkatkan iman mereka dalam Tuhan Yesus Kristus, dalam Kitab Mormon sebagai kata-kata Tuhan, dan dalam pemulihan kunci-kunci imamat dalam Gereja benar-Nya. Peningkatan kesaksian itu telah memberi kita lebih keberanian dan keprihatinan untuk anak-anak Tuhan yang lain. Tetapi cabaran dan peluang di masa depan akan memerlukan lebih lagi.

Kita tidak boleh meramalkan butirannya, tetapi kita tahu gambar besarnya. Kita tahu bahawa pada hari-hari terakhir, dunia akan berada dalam kekecohan. Kita tahu bahawa di tengah segala masalah yang datang, Tuhan akan memimpin Orang Suci Zaman Akhir yang beriman untuk mengambil injil Yesus Kristus ke semua bangsa, kaum, bahasa, dan orang. Dan kita tahu bahawa pengikut benar Tuhan akan layak dan bersedia untuk menerima-Nya apabila Dia datang lagi. Kita tidak perlu takut.

Walaupun kita sudah membina iman dan keberanian dalam hati kita, Tuhan mengharap lebih dari kita—dan dari generasi selepas kita. Mereka perlu menjadi lebih berani dan kuat kerana mereka akan melakukan perkara yang lebih besar dan susah daripada yang kita sudah buat. Dan mereka akan menghadapi pertentangan yang meningkat dari musuh jiwa kita.

Tuhan mengajar cara mendapatkan keyakinan apabila kita maju ke hadapan: “Pandanglah kepada-Ku dalam setiap pemikiran; janganlah ragu, janganlah takut” (A&P 6:36). Presiden Monson memberitahu

kita bagaimana melakukan itu. Kita perlu merenung dan menerapkan Kitab Mormon dan kata-kata para nabi. Berdoalah selalu. Percayailah. Melayani Tuhan dengan keseluruhan hati, tenaga, minda, dan kekuatan kita. Kita perlu berdoa dengan sekuat tenaga hati kita untuk kurnia kasih ihsan, kasih suci Kristus (lihat Moroni 7:47–48). Dan di atas semuanya, kita perlu konsisten dan gigih dalam mengikuti nasihat nubuat.

Apabila jalannya sukar, kita boleh bergantung pada janji—janji yang diingatkan oleh Presiden Monson kepada kita tentang kata-kata Juruselamat: “Barang siapa menerimamu, di sana Aku akan berada juga, kerana Aku akan pergi di hadapanmu. Aku akan berada di sebelah kananmu dan juga di sebelah kirimu, dan Roh-Ku

ada di hatimu, dan para malaikat-Ku akan berada di sekeliling-mu untuk menghibur kamu” (A&P 84:88).

Saya bersaksi bahawa Tuhan akan pergi di hadapan muka anda setiap kali anda berada dalam tugas-Nya. Kadangkala anda adalah malaikat yang Tuhan hantar untuk menopang orang lain. Kadangkala anda akan dikelilingi malaikat-malaikat untuk menopang anda. Tetapi anda akan selalu mempunyai Roh-Nya dalam hatimu, seperti dijanjikan dalam setiap pertemuan sakramen. Anda hanya perlu mentaati perintah-perintah-Nya.

Hari-hari terbaik adalah di hadapan untuk kerajaan Tuhan di bumi. Pertentangan akan mengukuhkan iman kita dalam Yesus Kristus, seperti sejak hari Nabi Joseph Smith. Iman selalunya mengalahkan ketakutan.

Berdiri bersama menghasilkan perpaduan. Dan doa-doa anda untuk mereka yang memerlukannya didengar dan dijawab oleh Tuhan. Dia tidak pernah terlelap ataupun tertidur.


Saya bersaksi Tuhan Bapa hidup dan mahu anda pulang kepada-Nya. Inilah Gereja Tuhan Yesus Kristus yang benar. Dia mengenali anda; Dia mengasihi anda; dan Dia memerhatikan anda. Dia menebus untuk dosa anda, dosa saya dan dosa semua anak-anak Bapa Syurgawi. Mengikut-Nya dalam hidup anda dan dalam pelayanan anda kepada orang lain adalah satu-satunya jalan ke kehidupan abadi.

Saya bersaksi dan meninggalkan berkat dan kasih saya untuk anda. Dalam nama kudus Yesus Kristus, amin

## Ajaran-ajaran untuk Masa Kita

Dari November 2017 sehingga April 2018, pelajaran pada hari Ahad keempat Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan harus disediakan dari satu atau lebih ucapan yang diberi di persidangan umum Oktober 2017. Pada April 2018, ucapan dapat dipilih dari antara persidangan umum April atau Oktober. Presiden pancang dan daerah harus memilih ucapan untuk digunakan di kawasan mereka atau menugaskan tanggungjawab ini kepada uskup dan presiden cabang.

Ucapan-ucapan ini boleh didapati dalam banyak bahasa di [conference.lds.org](http://conference.lds.org).



Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf  
Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama

# Tiga Saudari

*Kita bertanggungjawab untuk penganutan kita sendiri, dan ia mempunyai sedikit—jika ada—kaitan dengan cara orang lain melayan kita.*

Saudari yang dikasihi, kawan yang dikasihi, untuk memulakan persidangan umum dengan sesi saudari di seluruh dunia adalah penting dan menakjubkan. Bayangkanlah: saudari dari segala usia, latar belakang, kewarganegaraan, dan bahasa bersatu dalam iman dan kasih kepada Tuhan Yesus Kristus.

Seperti pertemuan kita kebelakangan dengan nabi tercinta kita, Presiden Thomas S. Monson, dia menyatakan kepada kita betapa dia mengasihi Tuhan. Dan saya tahu bahawa Presiden Monson sangat berterima kasih atas kasih, doa, dan kesalihan anda kepada Tuhan.

Terdapat tiga saudari yang tinggal di tempat yang jauh pada masa dahulu.

Saudari yang pertama berasa **sedih**. Segalanya tentang bentuk fizikal badannya kelihatan tidak cukup baik baginya. Apabila dia bercakap, kata-katanya kadang-kadang keluar dengan janggal, dan orang-orang ketawa. Apabila seseorang mengkritiknya atau tidak menjemputnya ke sesuatu, mukanya menjadi merah dan dia akan pergi mencari tempat rahsia

untuk dia akan mengeluarkan keluhan sedih dan tertanya-tanya mengapa kehidupan begitu suram.

Saudari yang kedua berasa **marah**. Dia rasa dirinya sangat pintar, tetapi selalu ada orang lain yang mendapatkan markah lebih tinggi dalam ujian di sekolah. Dia menganggap dirinya lucu, cantik, bergaya, dan mempesonakan. Tetapi selalu ada seseorang yang lebih lucu, lebih cantik, lebih bergaya, atau lebih mempesonakan.

Dia tidak pernah menjadi yang pertama, dan ini dia tidak dapat tahan. Kehidupan tidak sepatutnya menjadi seperti ini!

Kadangkala dia memarahi orang lain, dan ia seolah-olahnya dia sentiasa bersedia menjadi marah dengan sesuatu perkara.

Sudah tentunya, ini tidak menjadikannya lebih disukai atau popular. Kadangkala dia terketap giginya, menggenggamkan buku limanya, dan berfikir, “Hidup adalah sangat tidak adil!”

Kemudian terdapat saudari ketiga. Tidak seperti saudarinya yang sedih dan marah, dia berasa—**senang hati**. Bukan kerana dia lebih pintar

atau lebih cantik atau lebih mampu daripada saudarinya. Tidak, orang kadangkala mengelak diri atau tidak menghiraukannya. Mereka kadangkala mengejek apa yang dia pakai atau perkara yang dia katakan. Mereka kadangkala mengatakan perkara jahat tentangnya. Tetapi dia tidak membenarkan ini terlalu mengganggunya.

Saudari ini suka menyanyi. Dia tidak boleh menyanyi dengan baik, dan orang lain ketawakannya, tetapi itu tidak menghalangnya. Dia akan berkata, “Saya tidak akan membiarkan orang lain dan pendapat mereka menghentikan saya dari menyanyi!”

Ini membuatkan saudarinya yang pertama sedih dan saudarinya yang kedua marah.

Beberapa tahun berlalu, dan pada akhirnya setiap saudari telah sampai ke penghujung waktunya di bumi.

Saudari pertama, yang sentiasa mengalami banyak kekecewaan dalam hidup, akhirnya meninggal dunia dengan *sedih*.

Yang kedua, setiap hari menemui perkara baru untuk tidak disukai, meninggal dunia dengan *marah*.

Dan saudari ketiga, yang menghabiskan hidupnya menyanyi lagunya sepenuh hati dengan senyuman yakin di wajahnya, meninggal dunia dengan *senang hati*.

Sudah tentu, kehidupan tidak pernah begitu mudah, dan orang bukan tidak berubah seperti tiga saudari dalam cerita ini. Tetapi contoh yang ekstrem seperti ini boleh mengajar kita sesuatu tentang diri kita sendiri. Jika anda seperti kebanyakan daripada kami, anda mungkin mengenali sebahagian diri anda dalam satu, dua, atau

mungkin ketiga-tiga saudari ini. Mari kita meneliti setiap satu saudari ini.

### Mangsa

Saudari pertama menganggap dirinya sebagai mangsa—sebagai seseorang yang ditindas.<sup>1</sup> Ia seolah-olah seperti satu demi satu perkara terus berlaku kepadanya yang menjadikannya sengsara. Dengan perspektif ini tentang kehidupan, dia memberi orang lain mengawal perasaan dan tindakannya. Apabila kita melakukan ini, kita ditiup oleh setiap angin pendapat—dan zaman media sosial sekarang, pendapat boleh menjadi sangat popular atau kuat.

Saudari sekalian, mengapa anda harus menyerahkan kebahagiaan anda kepada seseorang, atau sekumpulan orang yang kurang peduli tentang anda atau kebahagiaan anda?

Jika anda mendapati diri anda bimbang tentang apa yang orang lain katakan tentang anda, saya mencadangkan penawar ini: ingat siapa anda. Ingatlah bahawa anda adalah dari rumah kerajaan syurga, puteri-puteri Ibu Bapa Syurgawi, yang memerintah seluruh alam semesta.

Anda mempunyai DNA rohani Tuhan. Anda mempunyai kurnia unik yang berasal dari penciptaan rohani anda dan yang telah dibangunkan semasa jangka hayat pra-fana anda. Anda adalah anak Bapa di Syurga yang berbelas kasihan dan kekal, Tuhan Semesta Alam, Yang mencipta alam semesta, menyebarkan bintang melintasi ruang angkasa, dan meletakkan planet di orbit mereka.

Anda berada dalam tangan-Nya.

Tangan yang sangat baik.

Tangan yang pengasih.

Tangan yang mengambil berat.

Dan tiada perkara yang orang lain boleh katakan yang akan mengubah itu. Kata-kata mereka tidak bermakna berbanding dengan apa yang Tuhan katakan tentang anda.

Anda ialah anak-Nya yang berharga.

Dia menyayangi kamu.

Walaupun anda berdosa,

walaupun anda berpaling daripada Dia, Tuhan mengasihi anda. Jika anda berasa sesat, ditinggalkan, atau dilupakan—jangan takut. Gembala yang Baik akan mencari anda. Dia akan memikul anda di atas bahunya. Dan Dia akan membawa anda pulang.<sup>2</sup>

Saudari saya yang dikasihi, tolong mendalami kebenaran ilahi ini dalam hati anda. Dan anda akan mendapati bahawa terdapat banyak sebab untuk tidak sedih, kerana anda mempunyai takdir abadi untuk memenuhi.

Juruselamat yang dikasihi dunia memberikan hidup-Nya supaya anda dapat memilih untuk menjadikan takdir itu suatu kenyataan. Anda telah mengambil ke atas diri anda namanya; anda adalah pengikut-Nya. Dan kerana Dia, anda dapat memakai pakaian kemuliaan abadi.

### Pembenci

Saudari kedua marah pada dunia. Seperti saudarinya yang sedih, dia merasakan bahawa masalah dalam hidupnya semua disebabkan oleh orang lain. Dia menyalahkan keluarganya, rakannya, bosnya dan rakan sekerja, polis, jiran, pemimpin Gereja, trend fesyen semasa, termasuk intensiti matahari, dan nasib buruk. Dan dia memarahi semuanya.

Dia tidak memikirkan dirinya sebagai orang jahat. Sebaliknya, dia merasakan bahawa dia hanya mempertahankan dirinya. Dia mempercayai semua orang didorong oleh kepentingan diri, keremehan, dan kebencian. Dia pula didorong oleh niat baik—keadilan, kesempurnaan akhlak, dan kasih.

Malangnya, pemikiran saudari yang marah itu adalah terlalu umum. Ini dinyatakan dalam satu kajian baru-baru ini yang meneroka konflik antara kumpulan saingan. Sebahagian daripada kajian, para penyelidik menemubual rakyat Palestin dan Israel di Timur Tengah dan Republik dan Demokrat di Amerika Syarikat. Mereka menemui bahawa “setiap pihak merasakan kumpulan mereka

sendiri didorong lebih oleh kasih dari benci, tetapi apabila ditanya mengapa kumpulan saingan mereka terlibat dalam konflik, mereka mengatakan kebencian sebagai faktor dorongan kumpulan lain.”<sup>3</sup>

Dalam kata lain, setiap kumpulan memikirkan diri mereka sebagai “orang baik”—adil, baik, dan jujur. Sebaliknya, mereka melihat pesaing mereka sebagai “orang jahat”—tidak berpengetahuan, tidak jujur, bahkan jahat.

Pada tahun saya dilahirkan, dunia terlibat dalam peperangan dahsyat yang menyebabkan penderitaan dan kesedihan kepada dunia. Perang ini dimulakan oleh negara saya—oleh sekumpulan orang yang mengenal pasti kumpulan lain sebagai jahat dan menggalakkan kebencian terhadap mereka.

Mereka mendiamkan orang yang mereka tidak suka. Mereka memalukan dan memburuk-burukkan orang ini. Mereka menganggap orang ini lebih rendah—bahkan kurang daripada manusia. Apabila anda merendahkan sekumpulan orang, anda mungkin akan mempersolehkan perkataan dan perbuatan keganasan terhadap mereka.

Saya menggeletar berfikir tentang apa yang terjadi pada Jerman abad ke-20.

Apabila seseorang menentang atau tidak bersetuju dengan kita, ia menggoda kita untuk mengandai-kan bahawa ada sesuatu yang salah dengan mereka. Dan dari sana ia sangat senang untuk melampirkan motif yang paling buruk kepada kata-kata dan tindakan mereka.

Sudah tentu, kita mesti sentiasa berdiri untuk apa yang betul, dan ada kalanya kita mesti menaikkan suara kita untuk tujuan itu. Bagaimanapun, apabila kita berbuat demikian dengan marah atau benci dalam hati kita—apabila kita menyerang orang lain untuk menyakiti, memalukan, atau membisu mereka—kemungkinan kita tidak berbuat demikian dalam kesolehan.

Apakah yang diajar oleh Juruselamat?

“Aku berkata kepada kamu: Kasihilah musuh kamu dan berdoalah bagi orang yang menganiaya kamu;

“Dengan demikian kamu menjadi anak-anak Bapa kamu yang di syurga.”<sup>4</sup>

Inilah jalan Juruselamat. Ini adalah langkah pertama dalam memecahkan halangan yang membuat banyak kemarahan, kebencian, pembahagian, dan keganasan di dunia.

“Ya,” anda mungkin berkata, “Saya akan mengasihi musuh saya—jika mereka sanggup melakukan perkara yang sama.”

Tetapi itu tidak begitu penting, kan? Kita bertanggungjawab untuk penganutan kita sendiri, dan ia mempunyai sedikit—jika ada—kaitan dengan cara orang lain melayan kita. Kita berharap bahawa mereka memahami dan bermurah hati sebagai balasannya, tetapi kasih kita untuk *mereka* bebas dari perasaan mereka terhadap *kita*.

Mungkin usaha kita untuk mengasihi musuh kita akan melembutkan hati mereka dan mempengaruhi mereka untuk kebaikan. Mungkin tidak. Tetapi itu tidak mengubah komitmen kita untuk mengikuti Yesus Kristus.

Oleh itu, sebagai anggota Gereja Yesus Kristus, kita akan mengasihi musuh kita.

Kita akan mengatasi kemarahan atau kebencian.

Kita akan mengisi hati kita dengan kasih untuk semua anak Tuhan.

Kita akan pergi untuk memberkati orang lain dan melayani mereka—termasuk mereka yang mungkin “menggunakan [kita] dengan jahat, dan menganiaya [kita].”<sup>5</sup>

#### **Pengikut Tulen**

Saudari ketiga mewakili pengikut tulen Yesus Kristus. Dia melakukan sesuatu yang sangat sukar untuk dilakukan—dia percaya Tuhan walaupun menghadapi cemuhan dan kesusahan. Dia mengekalkan iman

dan harapannya, walaupun dengan cemuhan dan kesinisan di sekelilingnya. Dia hidup gembira bukan kerana keadaannya gembira tetapi kerana *dia* gembira.

Tiada seorang pun dari kita yang melalui perjalanan hidup tanpa tentangan. Dengan begitu banyak tarikan yang berusaha menarik kita, bagaimana kita mengekalkan penglihatan kita pada kebahagiaan indah yang dijanjikan kepada yang beriman?

Saya percaya jawapannya dapat dijumpai dalam mimpi seorang nabi ribuan tahun lalu. Nama nabi itu ialah Lehi, dan mimpinya dicatatkan dalam Kitab Mormon yang berharga dan menakjubkan.

Dalam mimpinya, Lehi melihat ladang yang luas dan, di dalamnya sepokok pokok menakjubkan, yang indah di luar deskripsi. Dia juga melihat kumpulan besar orang yang berjela menuju pokok itu. Mereka mahu merasakan buahnya yang indah. Mereka merasakan dan percaya bahawa ia akan memberi mereka kebahagiaan yang besar dan keabadian abadi.

Terdapat lorong sempit ke arah pokok itu, dan di sampingnya adalah batang besi yang membantu mereka kekal di jalan itu. Tetapi terdapat juga kabut kegelapan yang mengaburkan penglihatan mereka jalan dan pohon itu. Dan mungkin lebih berbahaya adalah bunyi ketawa dan cemuhan yang kuat datang dari bangunan besar dan lapang yang berdekatan. Yang mengejutkan, cemuhan itu meyakinkan beberapa orang yang telah sampai ke pohon itu dan merasai buah yang mengagumkan untuk mula rasa malu dan meninggalkannya.<sup>6</sup>

Mungkin mereka mula meragui bahawa pokok itu betul-betul indah seperti yang mereka sangka. Mungkin mereka mula mempersoalkan realiti tentang apa yang mereka alami.

Mungkin mereka fikir jika mereka berpaling dari pokok itu, kehidupan jadi lebih mudah. Mungkin mereka

tidak akan dicemuh atau diketawakan lagi.

Dan sebenarnya, orang yang mengejek mereka kelihatan seperti orang yang agak gembira dan berseronok. Mungkin jika mereka meninggalkan pohon itu, mereka akan dialu-alukan ke dalam umat bangunan yang luas dan diberi tepukan atas penghakiman, kecerdasan dan kecanggihan mereka.

#### **Kekal pada Jalan**

Saudari yang dikasihi, kawan yang dikasihi, jika anda berasa sukar untuk berpegang teguh pada batang besi dan berjalan dengan tabah menuju keselamatan; jika ketawa dan cemuhan orang lain kelihatan begitu yakin menyebabkan anda goyah; jika anda bermasalah dengan soalan tidak terjawab atau ajaran yang belum difahami; jika anda berasa sedih kerana kekecewaan, saya mendesak anda untuk mengingati mimpi Lehi.

Kekal pada Jalan!

Jangan lepaskan batang besi—firman Tuhan!

Dan apabila seseorang cuba membuat anda malu untuk mengambil bahagian dalam kasih Tuhan, jangan hiraukan mereka.

Jangan lupa anda adalah anak Tuhan; kurnia tersedia; jika anda boleh belajar untuk melakukan kehendak-Nya, anda akan hidup dengan Dia sekali lagi!<sup>7</sup>

Janji pujian dan penerimaan oleh dunia tidak boleh diharap, tidak benar, dan akhirnya tidak memuaskan. Janji Tuhan adalah pasti, benar, dan menggembirakan—sekarang dan selama-lamanya.

Saya menjemput anda untuk mempertimbangkan agama dan iman dari perspektif yang lebih tinggi. Tiada apa yang ditawarkan di bangunan yang luas itu boleh dibandingkan dengan buah kehidupan injil Yesus Kristus.

Sememangnya, “apa yang belum pernah dilihat atau didengar, atau terlintas dalam fikiran manusia, itulah yang disediakan oleh Tuhan untuk

orang yang mengasihi Dia.”<sup>8</sup>

Saya telah belajar untuk diri sendiri bahawa jalan penganutan dalam injil Yesus Kristus adalah jalan ke kegembiraan. Ia adalah jalan ke keselamatan dan kedamaian. Ia adalah jalan ke kebenaran.

Saya bersaksi bahawa melalui kurnia dan kuasa Roh Kudus, anda dapat mempelajari ini untuk diri sendiri.

Sementara itu, jika jalan menjadi sukar bagi anda, saya harap anda akan mendapat perlindungan dan kekuatan dalam organisasi Gereja yang menakjubkan di Gereja—Sekolah Primer, Remaja Puteri, dan Lembaga Pertolongan. Mereka seperti titik arah di jalan, di mana anda boleh memperbaharui keyakinan dan iman anda untuk perjalanan yang akan datang. Mereka adalah rumah yang selamat, di mana anda boleh berasa diterima dan menerima galakan daripada saudari anda dan para pengikut.

Perkara yang anda pelajari di Sekolah Primer menyediakan anda untuk kebenaran tambahan yang anda pelajari sebagai remaja puteri. Jalan penganutan yang anda jalankan dalam kelas Remaja Puteri anda akan membawa kepada persahabatan dan persaudaraan Lembaga Pertolongan. Dengan setiap langkah di sepanjang jalan, anda diberi peluang tambahan untuk menunjukkan kasih anda kepada orang lain melalui tindakan iman, rasa kasihan, kasih ihsan, hemah dan pelayanan.

Memilih jalan penganutan ini akan membawa kebahagiaan dan pencapaian ilahi alamiah anda.

Ia tidak akan jadi mudah. Ia memerlukan yang terbaik yang anda miliki—semua kecerdasan, kreativiti, iman, kesempurnaan akhlak, kekuatan, keazaman, dan kasih anda. Tetapi suatu hari nanti anda akan melihat kembali usaha anda, dan anda akan sangat bersyukur yang anda kekal kuat, yang anda percaya, dan yang anda tidak meninggalkan jalan.

#### Teruskan Berjalan

Mungkin ada banyak perkara tentang kehidupan yang berada di luar kawalan anda. Tetapi akhirnya, anda mempunyai kuasa untuk memilih destinasi anda dan banyak pengalaman anda sepanjang perjalanan. Kebanyakannya ia bukan tentang kebolehan anda, tetapi pilihan anda yang membuat perbezaan dalam kehidupan.<sup>9</sup>

Anda tidak boleh membenarkan keadaan anda membuat anda sedih.

Anda tidak boleh membenarkannya membuat anda marah.

Anda boleh bergembira bahawa anda ialah puteri Tuhan. Anda boleh mencari kegembiraan dan kebahagiaan dalam rahmat Tuhan dan dalam kasih Yesus Kristus.

Anda boleh menjadi senang hati.

Saya menggesa anda untuk mengisi hati anda dengan rasa syukur atas kebaikan Tuhan yang melimpah dan tidak terbatas. Saudari saya yang dikasihi, anda boleh melakukan ini! Saya berdoa dengan penuh kasih sayang jiwa saya bahawa anda akan membuat pilihan untuk terus berjalan menuju pokok kehidupan.

Saya berdoa agar anda akan memilih untuk mengangkat suara anda dan membuat hidup anda sebagai simfoni pujian, kegirangan dalam apa yang kasih Tuhan dan keajaiban-keajaiban Gereja-Nya dan injil Yesus Kristus boleh bawa ke dunia.

Lagu penganutan yang benar mungkin kedengaran sumbang atau terlalu kuat kepada sesetengah orang. Sejak permulaan masa, ia sudah begitu.

Tetapi kepada Bapa Syurgawi kita dan kepada mereka yang mengasihi dan menghormati Dia, ia adalah lagu yang paling berharga dan indah—lagu mengagumkan dan penyucian penebusan kasih dan pelayanan kepada Tuhan dan sesama.<sup>10</sup>

Saya meninggalkan anda berkat saya sebagai Rasul Tuhan yang anda akan mendapat kekuatan dan keberanian untuk berkembang sebagai puteri Tuhan sambil dengan senang hati berjalan setiap hari di jalan penganutan yang indah. Dalam nama kudus Yesus Kristus, amin

#### NOTA

1. Lihat 2 Nefi 2:14, 26.
2. Lihat Lukas 15:4–6.
3. Boston College, “Study Finds Intractable Conflicts Stem from Misunderstanding of Motivation,” *ScienceDaily*, Nov. 4, 2014, sciencedaily.com.
4. Matius 5:44–45.
5. Matius 5:44.
6. Lihat 1 Nefi 8.
7. Lihat “Aku Anak Tuhan,” *Buku Nyanyian Anak-Anak*, 2–3.
- 8.1 Korintus 2:9.
9. Lihat “The Most Inspirational Book Quotes of All Time,” [pegasuspublishers.com/blog](http://pegasuspublishers.com/blog).
10. Lihat Alma 5:26.